

**Inkuiri Nasional Berhubung Hak Tanah Orang Asli Bermula
Bernama
27 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) kini dalam proses menjalankan Inkuiri Nasional berhubung Hak Tanah Orang Asal/Asli di Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan, selama empat hari bermula Isnin.

Pengerusi Suhakam Tan Sri Hasmy Agam berkata inkuiri itu berikutan pelbagai aduan dan memorandum yang diterima sejak beberapa tahun lepas berhubung dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah adat.

"Aduan yang diterima termasuk pencerobohan, pentadbiran, projek pembangunan bandar, skim perladangan, hutan simpanan, rancangan penempatan semula dan pampasan," katanya dalam ucapan sebelum mempengerusikan inkuiri itu di sini.

Sesi hari ini disertai dua lagi panel inkuiri iaitu Pesuruhjaya Suhakam Datuk Dr Kaw Lake Tee, Naib Pengerusi Jennie Lasimbang serta dua perunding bebas iaitu Dr Collin Nicholas dan Datuk Denison Jayasooria.

Hasmy berkata ini merupakan inkuiri pertama di Semenanjung Malaysia dan akan diadakan secara berperingkat di Johor, Perak, Kelantan, Pahang serta Sabah sehingga Jun depan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655130>